



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
06 APRIL 2017 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---------------------------------|----|
| - Peka keadaan pili bomba | 39 |
| - Kaedah biologi banteras aedes | 39 |

Berita Harian

- | | |
|--|-------|
| - Bas elektrik realisasikan Shah Alam Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah | 12&13 |
|--|-------|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
06 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Peka keadaan pili bomba
Muka Surat	39

Peka keadaan *pili bomba*

Masyarakat perlu ambil tahu sebagai langkah persediaan jika berlaku kebakaran

SH MIS 39 04/2017

PANDANMEWAH—Sebagai usaha dan langkah proaktif bagi memastikan pili bomba di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pandan Mewah berfungsi sekiranya berlaku kebakaran, masyarakat setempat disaran supaya terlibat sebagai ahli program Teman Pili Bomba.

Langkah ini mustahak agar pili bomba yang berada di kawasan tersebut sentiasa berada berkeadaan baik dan boleh berfungsi ketika berhadapan saat kecemasan.

Pengerusi KRT Pandan Mewah, Abd Haffidz Md Noor berkata, pihaknya mahu masyarakat bertanggungjawab terhadap pili bomba di kawasan masing-masing.

“Penduduk juga harus kenal pasti lokasi pili bomba di kawasan perumahan selain perlu bersama-sama me-



Abd Haffidz (duduk, tujuh kanan) bersama masyarakat dan pasukan bomba dan penyelamat serta anggota bomba sukarela.

mupuk kesedaran mengenai kepentingan penjagaan pili bomba.

“Laporkan segera kepada agensi berkenaan jika ada pili bomba yang bocor, rosak atau disalah guna oleh pihak tidak bertanggungjawab,” katanya.

Abd Haffidz berkata,

pihaknya juga mengulakukan usaha pihak bomba dalam memupuk kesedaran masyarakat berhubung keselamatan ketika menghadapi kebakaran.

“Kita mahu meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat berhubung keselamatan jika berlaku ke-

bakaran di kawasan ini,” katanya selepas menghadiri program Kempen Menghadapi Bencana, di Pandan Mewah baru-baru ini.

Abd Haffidz berkata, ilmu pengetahuan asas yang didedahkan pihak bomba dapat bantu masyarakat menghadapi kebakaran pada

peringkat awal sebelum agensi berkenaan sampai ke lokasi kejadian.

“Golongan muda juga harus bersama-sama mainkan peranan dengan melibatkan diri dalam aktiviti bomba komuniti atau menjadi pasukan bomba sukarela di kawasan tertentu,” katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 06 APRIL 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kaedah biologi banteras aedes
Muka Surat	39

Kaedah biologi banteras aedes

SH MS 39 6/4/2017

AMPANG - Sebanyak 992 kes denggi dengan tiga kematian dilaporkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sehingga 25 Mac lalu.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, bagaimanapun jumlah kes itu lebih rendah berbanding jumlah kes dalam tempoh sama tahun lalu iaitu sebanyak 2,105 kes.

"Kita mengenal pasti kawasan tumpuan termasuk Pandan Indah, Taman Cahaya, Bandar Baru Ampang, Taman Melawati J, Taman Ukay Bistari dan Pandan Perdana di Jalan Perdana 6/2 hingga 6/10," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut menjalankan kajian kawalan denggi secara biologi menggunakan nyamuk aedes yang telah disuntik dengan bakteria wolbachia, selain daripada kaedah konvensional.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 06 APRIL 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Bas elektrik realisasikan Shah Alam Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah
Muka Surat	12&13

Fakta nombor

67
PENUMPANG
mampu dimuatkan dalam satu-satu masa

200
KILOMETER
bagi setiap kali ia dicas dan ia mengambil masa lima jam bagi proses pengecasan bateri



Ahmad Zaharin (kanan) bersama Pegawai Majlis Perbandaran Shah Alam meninjau bas elektrik selepas menaiki mengelilingi pusat Bandar Raya Shah Alam dalam lawatan turun padang Datuk Bandar Shah Alam.

Penyediaan perkhidmatan bas elektrik itu dilakukan selepas melihat permintaan tinggi daripada penduduk setempat.
Ahmad Zaharin Mohd Saad,
Datuk Bandar Shah Alam

Perkhidmatan bas itu adalah satu usaha yang baik dan perlu dicontohi pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.
Rohaidah Baharum,
Pegguna

Bas ini lebih mesra alam sekitar sesuai konsepnya yang mahu mengurangkan pelepasan karbon?
Nurul Atiqah Azhar,
Pegguna

Bas elektrik realisasikan Shah Alam Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah

BH MIS 12/13 6/4/2017

➔ Khidmat percuma mampu galak orang ramai menggunakan pengangkutan awam

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com.my
Shah Alam

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melangkah setapak lagi dalam merealisasikan rancangan menuju ke arah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah menjelang tahun 2030, melalui penawaran perkhidmatan bas elektrik.

Melalui operasi bas berkenaan di bandar raya ini, ia mampu mengurangkan kira-kira sehingga 45 peratus pembebasan karbon di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata perkhidmatan bas elektrik yang bermula 1 April lalu itu juga mampu menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam, sekali gus mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Selesa pengguna
"Bas elektrik ini mampu memuatkan kapasiti penumpang seramai 67 orang pada satu masa. Ia berkonsepkan bebas halangan bagi memudahkan golongan orang kelainan upaya (OKU) menaikinya malah kita turut menyediakan tempat khas yang lebih selesa untuk mereka.

"Bas ini turut dipasang papan tanda LED, perkhidmatan WiFi percuma bagi memudahkan pengguna melayari internet serta kamera litar tertutup (CCTV)," katanya pada Majlis Turun Padang Bas Elektrik di sini, semalam.

Bas elektrik percuma itu menghubungkan Hentian Akhir Bandar (HAB) Seksyen 19 ke Seksyen 7 yang melalui kawasan berkepadatan penduduk tinggi di Seksyen 2, Seksyen 3, Seksyen 6 dan Seksyen 7.

Ahmad Zaharin berkata, penyediaan perkhidmatan bas elektrik itu dilakukan selepas melihat permintaan tinggi daripada penduduk setempat.


Katanya, berdasarkan rekod, purata penumpang yang menggunakan laluan bas elektrik itu adalah seramai 100,000 orang sebulan.

"Bas elektrik ini akan beroperasi setiap hari Isnin hingga Ahad dari jam 6 pagi hingga 10 malam dengan kekerapan 15 minit," katanya.

Beliau berkata, bas elektrik itu mampu bergerak sejauh 200 kilometer bagi setiap kali ia dicas dan ia mengambil masa lima jam bagi proses pengecasan bateri.

"Untuk menghabiskan 200 km, ia boleh membuat tujuh pusingan laluan. Bas ini lebih jimat berbanding bas yang menggunakan bahan bakar diesel.

"Kita akan melihat maklum balas terhadap bas ini. Sekiranya ia memberi kesan positif, MBSA akan menambah lagi bilangan bas selain menggunakannya di laluan lain," katanya.



[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

Pengguna sambut baik perkhidmatan

Shah Alam: Perkhidmatan bas elektrik percuma yang bermula 1 April lalu di bandar raya ini, disambut baik penduduk yang menyifatkannya sebagai berkesan dalam menangani masalah pencemaran udara di kawasan bandar berikutan peningkatan dalam bilangan kenderaan.

Rata-rata mereka yang ditemui berkata, pengalaman menaiki bas itu sebagai sesuatu yang dianggap luar biasa berbanding bas yang bersumberkan bahan api diesel.

Pengguna, Nurul Atiqa Azhar, 26, berkata bas itu lebih senyap sekaligus membuatkan mereka yang menaikinya dapat merasai satu pengalaman baharu.

"Bas ini lebih mesra alam sekitar sesuai konsepnya yang mahu mengurangkan pelepasan karbon.

"Lebih menguntungkan, pengguna boleh menaikinya secara percuma malah turut diberikan kemudahan melayari internet," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Usaha baik

Seorang lagi pengguna, Rohaida Baharum, 57, berkata perkhidmatan bas itu adalah satu usaha yang baik dan perlu dicontohi pihak berkuasa tempatan. (PBT) lain.

Persekitaran tidak akan tercemar dengan asap dan pengguna juga mendapat manfaat apabila menaikinya.

"Saya teruja sewaktu menaikinya kerana ia pengalaman pertama dan berharap bilangan bas ini ditambah supaya ia dapat meliputi lebih banyak kawasan di bandar raya ini," katanya.

Ruang dalaman bas elektrik yang selesa dan mesra pengguna OKU.